

Mohon peruntukan baik pulih pintu air di Sungai Air Tawar

Sabak Bernam: Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor memohon peruntukan daripada kerajaan Persekutuan bagi membaik pulih atau mengganti beberapa pintu air utama di kawasan Sungai Air Tawar bagi mengelak banjir pada masa depan.

Pengerusinya, Tan Sri Noh Omar, berkata kebanyakan pintu air di kawasan itu yang dibina selepas negara mencapai kemerdekaan, sudah uzur.

Sudah sampai masa diganti

"Sudah sampai masanya pintu air dibaiki atau dibuat baharu bagi mengatasi masalah banjir. Saya sudah minta JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) untuk membuat surat

dan membuat taksiran kos yang diperlukan bagi kerja baik pulih atau bina baharu," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita media selepas melawat tiga pusat pemindahan banjir, membantu kerja pembersihan sebuah rumah di Parit Baru serta meninjau Pintu Air Beting Kepah, Kampung Sungai Apong.

Noh yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata sehingga kini, ada sebanyak 46 kunci air di Sabak Bernam.

"Di kawasan Sungai Air Tawar saja ada 14 kunci air seperti di Beting Kepah, Bagan Nakhoda Omar, Parit Baru dan Sungai Lang," katanya.



Noh (dua dari kanan) dan Ahli Parlimen Sabak Bernam, Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh (kanan) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam, semalam.

Untuk
video layari
www.bharian.com.my